

Sistem Pendidikan Malaysia Kolot - Khoo Kay Kim

Murid tidak belajar apa-apa, hanya membuang masa

Era kegemilangan sekolah seperti Victoria Institution, Penang Free School, Sultan Abdul Hamid, English College dan King Edward sudah berakhir. Sekolah sekarang tidak lagi melahirkan manusia cemerlang dari segala segi. Sekolah hanya membantu murid menghafal buku teks untuk lulus dalam peperiksaan. Penerapan nilai-nilai murni hampir tiada. Justeru anak-anak Malaysia pasca-merdeka membesar menjadi dewasa yang tidak kreatif, pak turut, rasuah dan ketinggalan dalam apa jua bidang. Ikuti wawancara MAIZURA MOHD EDERIS dengan Profesor Dato' Khoo Kay Kim tentang kemunduran sistem pendidikan di Malaysia.

Prof pernah menyelar pendidikan di sekolah-sekolah kebangsaan sebagai kolot dan sangat mundur. Prof juga tidak setuju dengan Blue Print yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran. Blue print setebal itu tidak begitu perlu. Apa yang perlu ialah kembali kepada sistem pelajaran sebelum merdeka. Sistem waktu itu sudah begitu berjaya. Murid bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tapi dalam sukan dan ada nilai-nilai murni yang tinggi. Pada tahun 1934, pasukan hoki Perak diwakili oleh sembilan murid Clifford (Secondary) School Kuala Kangsar. (Dato' Dr) M Jegatheson ketika berusia 16 tahun wakil negara ke Sukan Olimpik.

Jadi kemerosotan dalam sukan ada kaitan dengan sistem pendidikan?



Dahulu sekolah yang terkenal melahirkan ahli sukan yang terkenal tanpa wang sesen dari kerajaan. Sekarang, kerajaan belanja berjuta ringgit setiap tahun untuk sekolah sukan, apa hasilnya? Pemain bola sepak kita kalah kerana tidak guna akal dan tidak ada azam yang kuat untuk berjaya. Sekolah tidak menanam keazaman, semangat juang, semangat cinta negara dan tidak mencabar daya fikir.

Adakah kerana sistem pendidikan kita terlalu exam-oriented? Ya. Kita percaya masa depan ditentukan oleh SPM. Itu (pendapat yang) bodoh. Saya minta pihak tertentu jalankan penyelidikan ke atas murid-murid yang dapat 10A ke atas dalam SPM untuk tempoh 15 tahun yang lepas. Sekarang, apa jadi pada mereka? Adakah mereka jadi usahawan seperti (Tan Sri) Lim Goh Tong yang tidak tamat sekolah rendah itu? (ketawa)

Dan (Tan Sri Dato' Paduka) Ting Pek Khiing? Dia itu (pendidikan) lagi teruk. (ketawa) Dalam sejarah kita, tak ada

professor ekonomi yang pernah jadi jutawan.

Sejak bila sekolah kita jadi terlalu exam-oriented? Selepas merdeka, kita tukar sistem sebab kita rasa apa sahaja yang diperkenalkan oleh penjajah tidak bagus, tidak nasional. Kita buang yang baik dan gantikan dengan yang tidak baik atas nama nasional (sinis).

Apa maksud pendidikan berkualiti mengikut pandangan Prof? Di sekolah, guru mesti tolong murid mengenali potensi diri sendiri. Apa kekuatan dan kelemahan diri. Bila mereka faham ini, baru boleh tentukan bidang kerja yang sesuai untuk mereka. Yang penting, guru bangunkan intelektual, perwatakan dan nilai-nilai murni dalam diri murid. Keluar dari sekolah, mereka boleh bersaing di peringkat antarabangsa dalam apa jua bidang. Bukan sekadar jadi 'jaguh kampung'. Apa yang berlaku sekarang, guru hanya bantu sediakan murid untuk hadapi peperiksaan. Jadi, murid hanya hafal apa yang ada dalam buku. Orang

yang hafal buku tidak akan melahirkan idea untuk mencipta sesuatu.

Prof setuju dengan cadangan Majlis Guru Besar Malaysia untuk memansuhkan UPSR baru-baru ini?

Bukan mansuhkan terus tetapi ubah sistem ujian. Jangan jadikannya mekanikal. Guna kaedah memberi tugas kepada murid dan kebebasan kepada setiap sekolah mencari pendekatan yang sesuai untuk menguji murid. Bukan semua murid dan sekolah itu sama. Biar guru cipta cara menguji.

Bagaimana untuk menukar sistem ini?

Pertama, mesti faham apa itu 'cemerlang'. Kalau dalam kelas ada 50 murid dan 40 murid dapat A, itu bukan cemerlang. Itu 'common' (biasa). Kalau dua orang dari 50 dapat A, yang dua orang itu lah cemerlang kerana mereka 'rare'. Jadi, sistem kita angkat sesuatu yang 'common' sebagai cemerlang, bukan angkat yang 'rare'. Kita tidak mencari 'seorang yang terbaik' tetapi melahirkan 'ramai orang yang sama baik'. Secara tidak sedar, kita sudah mengamalkan sistem sosialis iaitu konsep sama rata, sama rasa.

Bagaimana dengan sekolah-sekolah Cina?


Sekolah Cina bukan bagus sangat. Terlalu kolot juga. Tetapi ibu bapa Cina realistik. Mereka sediakan anak-anak dengan kemahiran-kemahiran yang perlu untuk bersaing dalam dunia sebenar. Keluar dari sekolah, mereka boleh menyesuaikan diri. Di kalangan profesional bandar, ramai yang hantar anak ke seberang laut.

Jadi anak-anak kita tidak belajar apa-apa di sekolah? (Mengiyakan dengan menggeleng kepala)

Membuang masa saja? Ya.

Bagaimana dengan Institusi Pengajian Tinggi?

Peraturan terlalu ketat. Birokrat tidak bantu universiti berkembang. Mereka cekik universiti tempatan lalu universiti lahirkan graduan yang hanya patuh pada peraturan dan arahan orang lain. Bagi Kementerian Pendidikan Tinggi, pendirian mereka 'uniformity' adalah kecemerlangan. Maksudnya, semua pihak ikut satu sistem. Peraturan tidak akan melahirkan



Profil: Khoo Kay Kim

Beliau seorang tokoh sejarah paling menonjol di Malaysia. Anak kelahiran Perak ini menghabiskan lebih separuh daripada usianya di Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Selepas persaraannya, pada usia 70 tahun kini, beliau terus menjadi profesor sejarah di universiti itu. Selain pernah mengetuai beberapa institut strategik dan pertubuhan berkaitan sejarah, sumbangan dalam bidang lain juga tidak terkira banyaknya. Pernah melancarkan program ijazah sukan yang pertama di negara ini, menulis 15 buku dan 90 rencana. Pendapatnya mengenai pelbagai permasalahan negara dan masyarakat sering mendapat perhatian media dan dibincangkan di seminar, forum serta persidangan tempatan mahupun antarabangsa.

genius. Itu jelas. Longgarkan peraturan. Biarkan seseorang menyelesaikan masalah atau menghasilkan sesuatu dengan cara tersendiri. Lihat hasil, bukan cara melakukannya.

Apa kelemahan mahasiswa sekarang?

Mereka tidak kritikal. Tidak intelektual. Tidak rujuk buku yang baik. Mereka menyiapkan tugas dengan cara menciplak tulisan terdahulu yang bagus-bagus. Plagiat berleluasa. Tidak tahu buat eksperimen. Naif. Mudah terpengaruh dan mudah ditipu oleh orang yang tidak masuk universiti.

Prof juga mengkritik kerajaan kerana terlalu memberi tumpuan kepada sains dan mengabaikan budaya.

Kita belanja banyak untuk sains, akhirnya apa yang kita hasilkan? Kita menang anugerah di sana sini, tetapi masih bergantung kepada teknologi yang dicipta oleh barat. Kita ada frasarana berteknologi tinggi tetapi semuanya diimport dari luar. Sepatutnya kita tekankan pada budaya kerana budaya

melahirkan 'manusia'. Manusia kemudiannya melahirkan sains. Tapi kita anggap manusia tidak penting, sebaliknya sains lebih penting. Kita bercakap pasal 'modal insan' tetapi bagaimana hendak mendapatkannya? Cakap saja. Slogan saja.

Selain melahirkan 'insan', apa lagi kepentingan budaya?

Untuk pelancongan. Sektor ini yang kedua penting. Tapi berapa banyak peruntukan diberi? Kekuatan Malaysia pada budaya, bukan sains. Slogan kita, 'Malaysia Truly Asia.' Segala-galanya di Asia ada di sini. Nampaknya, Malaysia tidak tahu kekuatan diri. Hanya ikut-ikutan Barat. Barat tumpu pada sains, kita pun tumpu pada sains.

'Malaysia' itu maksudnya siapa?

Birokrat terutama sekali. Mereka ini golongan yang belajar di barat, baca buku teks barat dan balik dengan mentaliti mahu meniru apa sahaja yang barat buat.

Bagaimana dengan polisi Kementerian Pelajaran yang kerap bertukar-tukar dalam masa yang singkat?

Orang yang buat polisi tidak benar-benar faham apa yang dikehendaki.

Apa akan jadi jika kita tidak segera merombak sistem pendidikan sekarang?

Di sebalik ingin maju pada 2020, kemungkinan besar kita akan merosot sebelum 2020. Kemungkinan besar Vietnam akan mendahului kita. S : Selain Prof, ramai juga tokoh di negara kita yang mengkritik kelemahan polisi atau sistem pendidikan. Tetapi kenapa kerajaan seolah-olah tidak mengambilkira kritikan dan pandangan ini?

Kami tidak peduli. Kami akan terus memperjuangkan sistem pendidikan yang lebih sesuai untuk negara.

Suara Prof agak lantang dalam mengkritik apa jua sistem atau polisi kerajaan yang tidak bagus untuk rakyat dan negara. Tidak kah ada sebarang tekanan dari pihak kerajaan terhadap diri atau kerjaya Prof? Kritik tidak semestinya anti. Kita boleh kritik kerajaan tetapi jangan anti-kerajaan. **MM**